

**KAJIAN TERHADAP LAGU-LAGU RAKYAT YANG POPULAR DI NEGERI  
KELANTAN**

**NOR FAIZAH BINTI ISMAIL**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**  
KELANTAN

**2022**



**KAJIAN TERHADAP LAGU-LAGU RAKYAT YANG POPULAR DI NEGERI  
KELANTAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NOR FAIZAH BINTI ISMAIL**

**NO. MATRIK: C18A0220**


Laporan projek akhir ini dikemukakan sebagai syarat dalam memenuhi penganugerahan ijazah sarjana muda pengajian warisan dengan kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah  
Akta Rahsia Rasmi 1971



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah  
ditentukan oleh organisasi dimana  
penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan

TARIKH: 24.2.2022

Disahkan oleh:

Tandatangan penyelia

NAMA: Raja Iskandar Raja Halid

TARIKH: 25.2.22

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrah Ilahi kerana dengan limpah izinnya dapat saya menyiapkan tugas Projek Penyelidikan Satu yang bertajuk Kajian Terhadap Lagu-lagu Rakyat Yang Popular di Kelantan yang bermula dari bab satu sehingga bab lima. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid selaku penyelia saya yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, pandangan dan teguran yang berguna kepada saya sepanjang proses menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Selain itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Ismail bin Abdullah dan Puan Radziah Binti Daud dan seluruh keluarga saya kerana telah banyak membantu saya terutamanya dari segi bantuan kewangan, nasihat serta teguran dan sebagainya. Tidak terkecuali juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak membantu dalam menyiapkan tugas Projek ini. Dengan jasa dan sokongan mereka semua, akhirnya saya dapat menyiapkan tugas Projek Penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekian.

**Nor Faizah Binti Ismail**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**Februari 2022**

**ISI KANDUNGAN****SENARAI KANDUNGAN****HALAMAN****PENGHARGAAN****ISI KANDUNGAN****ABSTRAK****BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	5-6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6-7
1.7 Skop Kajian	7-8
1.8 Kesimpulan	9

**BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	10
2.2 Pandangan Sarjana Timur	11-14
2.3 Pandangan Sarjana Barat	14-15
2.3 Kesimpulan	15-16

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	17
3.2 Reka Bentuk kajian	18
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	19
3.3.1 Data Primer	20
3.3.1.1 Temu Bual	20-21
3.3.1.2 Soal Selidik	21
3.3.2 Data Sekunder	21-22
3.3.2.1 Jurnal	22
3.3.2.2 Buku	22
3.3.2.3 Internet	23
3.4 Kesimpulan	

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	24
4.2 Mengenalpasti Lagu-Lagu Rakyat Yang Popular Di Negeri Kelantan	26-26
4.3 Senarai Lagu Rakyat	26
4.3.1 Wau Bule (Seman Wau Bule)	27-27
4.3.2. Anak Tupai (Halim Yazid)	27-29
4.3.3 Tikus Masyarakat (Cikgu Naim)	29-31
4.3.4 Lembu Tok Tambak (Cikgu Naim)	32-34

4.3.5 Sesal Tok Ngaji (Cikgu Naim)	34-38
4.4 Mengkaji Unsur-Unsur Nasihat Yang Terdapat Dalam Lagu Rakyat Di Negeri Kelantan	38
4.4.1 Lagu Wau Bulan	38-39
4.4.2. Lagu Anak Tupai	40-42
4.4.3 Lagu Tikus Masyarakat	41-42
4.5 Mengkaji Tahap Pengetahuan Generasi Muda Tentang Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan Di Negeri Kelantan	42
4.5.1 Analisis Data Borang Soal Selidik	42-48
4.5.2 Analisis Soalan-Soalan Borang Soal Selidik	48-52
4.6 Kesimpulan	52-53
<b>BAB 5 CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	45-55
5.2 Perbincangan	55-56
5.3 Cadangan	57-58
5.4 Kesimpulan	59-59
<b>RUJUKAN</b>	60-61

## **ABSTRAK**

Projek Penyelidikan ini menerangkan tentang Kajian Terhadap Lagu-lagu Rakyat Yang Popular di Kelantan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti lagu-lagu rakyat, mengkaji elemen unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu rakyat dan mengkaji tahap pengetahuan generasi muda terhadap lagu-lagu rakyat yang telah dipopularkan di Kelantan. Segala maklumat dalam kajian ini diperoleh melalui pembacaan jurnal-jurnal, buku-buku, artikel di internet serta pengumpulan maklumat-maklumat yang telah diperoleh daripada kajian-kajian lepas, kaedah temu bual dan soal selidik. Selain itu, skop kajian dalam projek penyelidikan ini pula lebih terperinci mengenai lagu rakyat sahaja. Kawasan yang dikaji pula lebih tertumpu di penduduk Melayu, Cina, India dan Siam di Negeri Kelantan. Kawasan yang dikaji ini hanya menumpukan kepada kawasan bandar dan luar bandar sahaja untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Di samping itu, sorotan kajian dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Pandangan Sarjana Timur dan Pandangan Sarjana Barat. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Pengkaerah Melayu. Dalam metodologi kajian pula, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian yang mana terkandungnya kaedah kualitatif dan kuantitatif. Selain itu juga, dalam kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan data primer dan data sekunder. Akhir sekali, akhir kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat untuk mengenali dan berusaha memelihara seni warisan lagu rakyat yang mempunyai nilai yang tinggi.

\*Kata Kunci: Lagu Rakyat, masyarakat Melayu, Cina, India dan Siam, Kelantan, Lagu-lagu Rakyat Yang Popular di Kelantan.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Dalam bab pertama, pengkaji akan menghuraikan beberapa perkara yang sangat penting tentang kajian yang akan dilakukan termasuk latar belakang kajian, pernyataan masalah dalam kajian, persoalan dan objektif kajian, batasan dan skop kajian, serta kepentingan kajian. Secara ringkasnya, kesemua perbincangan yang dijalankan dalam bab pertama ini adalah lebih kepada dasar utama kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji.

Masyarakat Melayu kaya dengan kepelbagaiannya lagu-lagu tradisional melayu yang mempunyai irama yang sangat unik. Apabila membincangkan mengenai lagu rakyat, memang tidak dapat dinafikan lagi, negara Malaysia sememangnya adalah sebuah negara yang kaya dengan lagu rakyat. Hal ini kerana, lagu rakyat sangat sinonim dengan masyarakat melayu kerana lagu rakyat akan dinyanyikan atau dipersembahkan tidak kita hari-hari biasa ataupun hari-hari keramaian seperti menyanyi sambal bermain, menyanyi sambal menolong ibu di dapur ataupun semasa para nelayan yang hendak turun menangkap ikan di laut termasukkah semasa majlis-majlis keramaian. Selain itu, lagu rakyat juga seringkali dinyanyikan secara beramai-ramai oleh anak-anak muda di kawasan-kawasan kampung dan sehingga pada peringkat golongan dewasa. Hal ini kerana, lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu telah berkembang luas sehingga mampu merentasi sempadan daerah, negeri, dan negara dengan adat dan budayanya yang sangat tinggi

Secara umumnya, lagu-lagu rakyat sebenarnya tercipta di salah sebuah negara asal sahaja yang hanya boleh menjadi hak pencipta asal sesuatu lagu rakyat. Namun begitu, lagu rakyat tersebut telah mula berkembang ke kawasan-kawasan yang lain sehingga tiada siapa yang tahu pemilik asal sesebuah lagu itu. Walau bagaimanapun, lagu-lagu rakyat seharusnya perlulah diperkembangkan lagi kerana lagu rakyat melayu sangat unik dan dapat dijadikan tauladan kepada orang ramai yang mendengarnya. Hal ini kerana, sesebuah lagu rakyat melayu mempunyai maksud-maksud yang tersirat dan sarat dengan keindahan bahasa yang tinggi dan penggunaan bahasa kiasan yang sangat unik yang dapat menarik perhatian orang ramai.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Lagu rakyat didefinisikan sebagai lagu rakyat budaya atau wilayah yang mencerminkan pandangan dan kehidupan mereka. Biasanya, lagu ini merujuk kepada lagu tanpa komposer atau penulis lirik yang terkenal dan lagu yang terdapat dalam pelbagai versi dikembangkan ketika ia menyebar, dan bukannya edisi hak cipta tunggal. Lagu rakyat lebih dikenali dengan panggilan lagu tradisional lama yang hanya popular di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Lagu-lagu rakyat adalah lagu yang diciptakan oleh orang-orang lama sehingga masih diwarisi sehingga ke hari ini. Namun pada masa dulu, tiada siapa yang tahu pemilik asal sesebuah lagu rakyat. Lagu-lagu rakyat dulu berkisahkan kehidupan masyarakat zaman dahulu seperti kehidupan harian, sosial budaya, adat resam, makanan serta permainan dan sebagainya. Pada masa sekarang pula, lagu-lagu rakyat tersebut telah digubah sedikit demi sedikit oleh penyanyi-penyanyi yang terkenal dengan diberi nafas baru seperti campuran penambahan muzik kontemporari dan tradisional.

Menurut Zainal Kling (1999), muzik dan lagu adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan dan haruslah sentiasa bergerak seiring. Masyarakat melayu pula pencipta dan penggemar sesuatu muzik dan lagu tersebut. Oleh itu, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa masyarakat melayu tidak boleh dipisahkan dengan muzik dan lagu kerana telah menjadi satu budaya yang kuat dalam kehidupan mereka.

Selain itu, menurut Zubir Ali (1998), lagu rakyat adalah lagu yang diterima secara mudah dari generasi terdahulu sehingga generasi sekarang kerana budaya dahulu dan sekarang bersambung dalam lagu rakyat tersebut. Lirik lagu rakyat itu juga mempunyai ciri-ciri persamaan adat dan budaya yang dulu sehingga kini. Unsur yang terdapat dalam iraman dan melodi pula adalah sangat mudah, senang untuk dihafal dan dinyanyikan oleh semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, menurut Rahmah Bujang (1999), lagu rakyat bagi masyarakat melayu adalah lagu-lagu yang berasal daripada tempat kawasan Alam Melayu walaupun kawansan tersebut terletak di negara-negara lain atau di pulau-pulau yang terpencil di Nusantara. Lagu-lagu rakyat Melayu itu tetap menjadi sebahagian daripada lagu-lagu melayu yang popular di tempat tersebut. Lirik lagu-lagu rakyat itu berunsurkan tentang kehidupan sosial masyarakat melayu, aktiviti-aktiviti harian, adat resam, makanan dan permainan serta haiwan-haiwan peliharaan.

Seterusnya, menurut Aripin Said (1999), pada zaman dahulu, lagu rakyat disebut sebagai nyanyian rakyat melayu. Nyanyian rakyat yang dimaksudkan adalah lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan oleh masyarakat melayu tradisional pada zaman dahulu. Tujuan masyarakat dahulu menyanyi adalah bukan sahaja untuk berhibur semata-mata malah untuk tujuan mendidik dan mengajar masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja. Penanyi-penanyi lagu rakyat melayu pada zaman dahulu adalah merupakan panglipur lara dan

individu-individu yang sudah dikenali ramai. Menurut Harun Mat Piah (1989), lagu-lagu rakyat melayu dicipta dan digubah secara sederhana atau spontan tanpa hilang tujuan dan fungsi sesuatu lagu tersebut. Fungsi lagu-lagu rakyat dahulu semuanya adalah lebih kepada cara untuk mendidik masyarakat. Selain itu, lagu-lagu tersebut juga berperanan untuk menghiburkan masyarakat pada masa-masa lapang sehingga lagu-lagu tersebut diangkat menjadi sebuah identiti bagi masyarakat melayu.

Akhir sekali, lagu-lagu rakyat mempunyai banyak unsur seperti nilai-nilai pengajaran di samping menjadi sumber hiburan. Sebagai contoh, dikir barat merupakan salah satu lagu rakyak bagi masyarakat di pantai timur terutamanya di negeri Kelantan. Lagu rakyat ini mempunyai banyak unsur-unsur yang disampaikan seperti unsur nasihat, sindiran, kritikan sosial, pengajaran, nilai-nilai murni dan sebagainya. Dalam dikir barat juga, terdapat satu elemen yang menarik iaitu penggunaan unsur-unsur haiwan bagi melambangkan sikap dan perangai manusia.

Dalam pada itu, terdapat juga lagu-lagu rakyat yang popular di negeri Kelantan. Masyarakat di negeri Kelantan biasanya menyanyikan lagu dalam lograt negeri mereka. Antara lagu rakyat yang sering dinyanyikan adalah seperti lagu Wau Bule, Anok Aye, Lembu Tok Tambat, Tikus Masyarakat, Itik, Serabuk Perut, Tekun Usaha, Loni Sesal Tok Ngaji dan sebagainya. Lagu-lagu rakyat tersebut menggambarkan kehidupan masyarakat mereka. Selain itu, lagu-lagu yang dihasilkan itu sudah pasti mempunyai unsur-unsur nasihat dan tauladan yang ingin disampaikan kepada anak dan cucu-cucu mereka. Di samping itu, lagu-lagu rakyat itu juga turut menggambarkan kehidupan masyarakat mereka pada zaman dahulu seperti tinggal di kampung pedalaman, petani, nelayan, menternak haiwan peliharaan dan sebagainya. Hal ini kerana, kebanyakkan lagu-lagu rakyat yang diciptakan biasanya idea tersebut diilhamkan daripada kisah yang sebanar iaitu kehidupan sehari-hari mereka.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pernyataan masalah dalam kajian ini adalah kurangnya kajian terhadap lagu rakyat yang popular di negeri Kelantan. Hal ini kerana, para pengkaji pada masa kini sudah tidak berminat untuk melakukan kajian mengenai lagu rakyat. Mereka lebih gemar untuk melakukan kajian terhadap lagu-lagu moden yang mempunyai elemen kelainan seperti hip hop, J-pop, Pop rock, dan sebagainya. Perkara ini sudah pasti akan menyebabkan lagu-lagu rakyat menjadi tenggelam dan hilang dibawa arus kemodenan.

Selain itu, pernyataan masalah yang kedua adalah kepupusan lagu rakyat. Kepupusan lagu rakyat ini disebabkan oleh tiadanya penyambung generasi yang ingin mewarisi lagu rakyat di kawasan itu. Masalah kepupusan lagu rakyat ini bermula apabila orang-orang tua pada zaman dahulu telah meninggal dunia dan anak-anak cucu mereka pula tidak mahu menyambung atau meneruskan tradisi lagu rakyat nenek moyang mereka. Hal ini kerana, generasi muda pada masa kini lebih cenderung kepada lagu-lagu moden berbanding lagu rakyat kerana lagu-lagu moden telah banyak mempengaruhi kehidupan dan budaya mereka.

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif yang utama iaitu:

- 1.4.1 Mengenalpasti lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan
- 1.4.2 Mengkaji unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu rakyat di Negeri Kelantan

1.4.3 Mengkaji tahap pengetahuan generasi muda tentang lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Secara lebih terperinci, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang berikut. Antaranya ialah:

1.5.1 Apakah lagu-lagu rakyat yang terdapat di Negeri Kelantan.

1.5.2 Apakah elemen unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu rakyat di Negeri Kelantan.

1.5.3 Apakah tahap pengetahuan generasi muda terhadap lagu-lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk mencari elemen unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Kajian ini adalah sangat penting kerana untuk memberi kesedaran kepada masyarakat serta pandangan generasi kini tentang kewujudan dan kelebihan lagu rakyat yang semakin hari semakin dilupakan. Selain itu juga, kajian ini dilakukan adalah untuk mendidik masyarakat terutamanya generasi muda yang semakin maju ke hadapan dan kebanyakkan mereka sudah kurang pengetahuan terhadap lagu

rakyat. Hal ini kerana, lagu rakyat sebenarnya mempunyai banyak fungsi dan peranan yang tersendiri seperti unsur nasihat, pengajaran dan sebagainya dan bukanlah hanya untuk hiburan semata-mata. Di samping itu, melalui kajian ini juga, pengkaji berharap agar lagu rakyat akan terus dikekalkan dan dapat diwarisi oleh generasi muda agar lagu-lagu rakyat ini tidak ditelan arus pemodenan.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Melalui skop kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa skop kajian yang terdapat dalam tajuk yang dikaji iaitu Kajian Terhadap Lagu-lagu Rakyat Yang Popular di Kelantan. Antara skop kajian yang terdapat dalam tajuk ini adalah seperti berikut.

### i. Lagu Rakyat

Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan lagu rakyat. Perkara ini mendorong pengkaji untuk memilih lagu rakyat sebagai skop kajian yang akan dilakukan dalam kajian ini.

### ii. Bangsa

Masyarakat Melayu, India, Cina dan Siam di Negeri Kelantan.



Rajah 1: Peta Negeri Kelantan

Melalui kajian ini, pengkaji akan menjalankan kajian terhadap masyarakat Melayu, Cina, India dan Siam di negeri Kelantan namun pengkaji hanya menumpukan kepada kawasan bandar dan luar bandar untuk mengumpul dan mendapatkan matlamat serta data yang diinginkan untuk melengkapkan kajian ini.

iii. Tahap pengetahuan generasi muda tentang lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan.

Untuk melengkapkan data-data yang diinginkan iaitu berkaitan dengan objektif yang ingin dikaji. Pengkaji akan menjalankan kajian di kawasan bandar dan luar bandar bagi melihat sejauh manakah tahap pengetahuan generasi muda terhadap lagu rakyat yang telah di Negeri Kelantan.

## 1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, apa yang dapat saya simpulkan adalah dalam bab 1 ini menjelaskan tentang pengenalan mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Selain itu, dalam bab 1 juga menerangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada elemen unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu rakyat di Negeri Kelantan. Pelbagai maklumat serta data diperoleh dalam mencapai objektif utama kajian ini. Pengkaji sangat menitikberatkan tentang lagu rakyat kerana lagu rakyat hari ini semakin hari semakin dilupakan kerana perkembangan teknologi moden dan peningkatan taraf pemikiran masyarakat telah mewujudkan pelbagai genre yang lebih baik kepada rancak dan moden. Perkara ini telah mendorong generasi muda untuk meminati genre tersebut berbanding dengan lagu rakyat. Selain itu juga, timpul pula genre lagu-lagu moden daripada negara-negara luar seperti K-pop, Hip-hop dan sebagainya menyebabkan generasi muda terus mudah melupakan lagu rakyat. Oleh yang demikian, jika lagu rakyat ini tidak dipelihara dengan baik, sudah pasti ianya tidak akan dapat diwarisi lagi oleh generasi yang akan datang dan akan pupus.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Dalam bab 2 ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kajian terdahulu iaitu kajian yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu yang turut mengkaji mengenai lagu rakyat. Kajian literatur adalah merupakan suatu ulasan maklumat yang telah diperoleh daripada info-info penyelidikan lepas, pembacaan buku ilmiah, jurnal dan perpustakaan. Dalam kajian literatur, ini merupakan satu proses pengumpulan data dan maklumat pengkaji tentang permasalahan yang terdapat dalam kajian. Oleh yang demikian, dengan melalui kajian yang dilakukan dengan sumber-sumber tertentu dan hasil daripada sumber tersebut akan dikupas dan dikaji supaya pandangannya dapat difahami oleh pandangan para pengkaji. Antara sumber yang digunakan adalah seperti buku. Kajian ini pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang telah membuat kajian terhadap lagu rakyat. Selain itu, pengkaji juga akan membuat kajian berdasarkan pandangan daripada Sarjana Timur dan Sarjana Barat mengenai lagu rakyat ini.

## 2.2 PANDANGAN SARJANA TIMUR

Berikut merupakan pandangan-pandangan daripada sarjana timur yang berkaitan dengan lagu rakyat.

Menurut Azah Aziz (2008: 9) lagu rakyat merupakan platform atau ruang ataupun landasan untuk memberikan nasihat terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Selain itu, terdapat juga banyak nilai positif, pengajaran dan sebagainya yang diterapkan di dalam lagu rakyat. Ianya juga bertujuan untuk memberi teladan kepada masyarakat pada zaman dahulu terutamanya kepada golongan kanak-kanak dan remaja kerana pepatah melayu juga ada mengatakan bahawa “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya” yang bermaksud, kalau hendak mendidik anak biarlah bermula sejak dari kecil lagi kerana semasa mereka masih kecil ianya mudah untuk dibentuk.

Selain itu, lagu rakyat juga merupakan satu karya tradisi yang terdapat di dalam budaya melayu. Hal ini kerana, terdapat juga banyak unsur-unsur seperti nasihat yang terdapat dalam pantun dan juga seloka untuk kanak-kanak mendapatkan nilai-nilai murni yang baik dan sebagainya. Kesemua unsur-unsur nasihat tersebut biasanya akan disampaikan secara terang-terangan ataupun secara berkias dengan lembut.

Menurut Harun Mat Piah (1989: 4-7) puisi masih lagi digunakan di dalam kegiatan kesenian rakyat. Hal ini kerana, puisi merupakan sebahagian daripada budaya rakyat melayu yang mana ianya dipersembahkan atau disampaikan serta turut disebarluaskan melalui bentuk lisan. Tambahan pula, sehingga ke hari ini puisi masih lagi aktif dicipta oleh rakyat-rakyat melayu. Walau bagaimanapun, apa yang menjadi perbezaannya hanyalah puisi yang terdapat pada masa kini akan direkodkan iaitu sama ada dari segi tulisan, merekod suara sahaja dan sebagainya. Puisi pada zaman dahulu pula hanyalah disebarluaskan dari mulut ke mulut sahaja kerana pada

masa itu lagi kemunculan teknologi moden yang dapat disebarluaskan dengan mudah seperti zaman sekarang.

Selain itu, kebanyakkan penyanyi-penyanyi lagu daerah atau lagu rakyat pula dipersembahkan atau diabadikan di dalam bentuk puisi. Mereka menggunakan cara seperti ini kerana disebabkan oleh hampir kesemua puisi bersifat lirik iaitu ungkapan puitis yang mana iaanya dapat digunakan untuk satu seni kata di dalam kesemua lagu-lagu berbentuk puisi. Selain itu, lagu-lagu rakyat juga turut menggunakan pantun untuk dijadikan sebagai lirik lagu tersebut. Pantun yang biasanya digunakan di dalam lagu rakyat ialah seperti pantun dua kerat dan pantun empat kerat.

Di samping itu, puisi juga turut mengandungi unsur-unsur seperti muzik. Di dalam puisi yang mengandungi unsur muzik ini biasanya hampir kesemua cara pengucapannya disampaikan di dalam bentuk seperti lagu, irama dan juga intonasi yang pelbagai. Tambahan pula, kebanyakkan puisi yang mengandungi unsur-unsur seperti itu akan dijadikan sebagai seni kata yang terdapat di dalam lagu-lagu rakyat. Bagi muzik pula, kebanyakkan muzik yang digunakan untuk mengiringi persembahan lagu rakyat pada zaman dahulu adalah menggunakan alat-alat muzik tradisional seperti kompong, rebana, gendang dan sebagainya.

Menurut Aripin Said dalam sebuah buku nyanyian rakyat iaitu “Mencari Khazanah yang Hilang” (2006: 229), nyanyian rakyat merupakan kumpulan lagu-lagu yang biasanya dinyanyikan oleh golongan masyarakat tradisional pada suatu masa dahulu. Nyanyian lagu rakyat yang mana rata-ratanya bukan hanyalah sebagai untuk berhibur semata-mata, tetapi sebenarnya adalah cara untuk mendidik masyarakat pada zaman dahulu. Selain itu, pada masa dahulu juga, penyanyi bagi lagu-lagu rakyat ataupun penyampai cerita-cerita rakyat menggunakan kelembutan jiwa dan Bahasa di dalam menyampaikan nasihat yang terkandung di dalam lirik lagu rakyat tersebut kepada masyarakat.

Menurut Munie Ali melalui Sastera Rakyat iaitu Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik (1989: 1), hasil sastera yang telah disampaikan dari mulut ke mulut atau secara lisan dan turut menghayati golongan masyarakat melayu yang mana hidupnya terkongkong dan bersifat tradisional. Oleh itu, hasil-hasil daripada itu akan turut diwarisi iaitu dari satu generasi ke satu generasi yang lain yang mana ianya juga akan menjadi hak milik bersama.

Menurut Azmi Mohd Ali (1995/1996: 11-61), lagu rakyat sebenarnya diciptakan adalah berbeza iaitu dari segi tujuannya. Hal ini kerana, terdapat lagu-lagu rakyat yang telah diambil daripada bahaian mentera di dalam salah sebuah persembahan. Antara tujuan sebenar perciptaan lagu rakyat ialah untuk pemujaan, hiburan, keagamaan dan sebagainya. Sebagai contoh, lagu Jong Jong Inai dan lagu Gelang Si Paku Gelang yang telah dicipta untuk dijadikan sebagai hiburan untuk kanak-kanak bermain pada masa lapang.

Menurut Zahir Ahmad (2007), beliau mengatakan bahawa lagu-lagu rakyat adalah satu warisan bangsa yang mana ianya perlu untuk dipertahankan. Hal ini kerana, pada masa sekarang, lau-lagu rakyat semakin kurang diminati oleh masyarakat masa kini. Perkara ini terjadi kerana disebabkan oleh saingenan daripada media cetak dan media elektronik seperti majalah, surat khabar, televisyen, radio dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika pada suatu hari nanti lagu-lagu rakyat ini akan pupus ditelan arus kemodenan. Namun begitu, jika terdapat usaha daripada agensi-agensi tertentu seperti jabatan Kesenian, Kebudayaan dan pelancongan memainkan peranan yang penting sudah pasti lagu rakyat akan terus terpelihara di dalam kalangan masyarakat tempatan.

Menurut Zabiddin Embong yang telah ditulis di dalam satu tesisnya iaitu yang bertajuk Bentuk Dan Falsafah Lagu Rakyat Terengganu (1996: 4-5) beliau letak mengatakan bahawa lagu-lagu rakyat merupakan satu daripada bentuk puisi klasik yang mana ianya membawa

irama yang merdu dan menawan. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa lagu-lagu rakyat juga mempunyai nilai Pendidikan, falsafah dan juga pemikiran orang-orang melayu.

### 2.3 PANDANGAN SARJANA BARAT

Berikut merupakan pandangan-pandangan daripada sarjana barat yang berkaitan dengan lagu rakyat.

Menurut Jan knappert dan Zabiddin Embong yang ditulis di dalam sebuah buku yang bertajuk Bentuk Dan Falsafah Lagu Rakyat Terengganu (1996: 35), beliau telah menyatakan bahawa:

*“Many pieces of ‘folk poetry’ (filking) in Malay,  
that are exceedingly beautiful as clear,  
expressions of lyric feeling and deep emotions.  
The following sing A alitaly, a long lament sung by,  
a mother whose only son is ill.”*

Bentuk dan Falsafah Lagu Rakyat Terengganu (1996: 35)

Maksud yang cuba disampaikan oleh beliau ialah lagu-lagu melayu bukan hanya sekadar satu luahan perasaan hati yang terut disertakan dengan emosi tetapi, ianya juga merupakan satu doa dalam bentuk keluhan. Sebagai contoh, seorang ibu yang sedang menghadapi situasi yang mana anaknya sedang bertarung dengan penyakit.

Menurut Jan Horold Brunvard dan Zabiddin Embong (1996: 13), beliau juga turut mengatakan bahawa lagu rakyat juga digunakan sebagai salah satu genre atau bentuk ‘folklore’

yang mana ianya terdiri daripada kata-kata dan lagu yang beredar secara lisan antara anggota kolektif yang tertentu dan berbentuk berupa tradisional serta mempunyai variasi.

Selain itu, perkata tersebut membawa makna bahawa lagu rakyat itu beredar dari semasa ke semasa dan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Terdapat juga seseorang yang mana ianya akan membantu mengumpul lagu-lagu rakyat. Selepas itu, seseorang itu pula akan menyampaikan lagu-lagu yang telah dikumpulkan itu kepada individu-individu lain di dalam bentuk lisan. Lagu-lagu rakyat juga sebenarnya mempunyai beberapa variasi yang berlainan mengikut daerah atau kawasan yang tertentu.

Di samping itu, lagu-lagu rakyat ini juga sering diaggap sebagai satu bentuk hiburan yang menghiburkan rakyat pada masa itu. Oleh hal yang demikian, lagu-lagu rakyat ini mudah tersebar dengan lebih meluas dari suatu kawasan ke kawasan-kawasan yang lain kerana lagu-lagu yang berbentuk hiburan ini mudah diterima oleh masyarakat-masyarakat di kawasan yang lain di seluruh negara. Selain itu juga, lagu rakyat ini sebenarnya mempunyai perbezaan iaitu perbezaan mangikut negeri atau daerah-daerah yang tertentu dan turut juga disertakan dengan loghat tertentu mengikut kawasan daerah lagu yang diciptakan. Lagu-lagu rakyat ini juga turut dijadikan sebagai hiburan ketika berada dalam keadaan sedih, gembira, kecewa dan sebagainya.

## 2.4 KESIMPULAN

Konklusinya, hasil daripada Pandangan Sarjana Timur dan Sarjana Barat, pengkaji mendapati jelas bahawa lagu rakyat ini perlu diberi perhatian dengan baik supaya lagu rakyat sentiasa mendapat sambutan dan dipraktikkan di dalam kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, lagu-lagu rakyat mempunyai banyak kepentingan dan fungsi-fungsi yang tersendiri yang tidak

boleh ditukar ganti kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Selain itu, sebagai seorang mahasiswa dan juga individu masyarakat yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk mengkaji lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan seharusnya berasa bangga dengan kekuatan unsur-unsur positif yang terdapat dalam setiap lagu rakyat itu sendiri. Sebagai kesimpulannya, pengkaji dapat mempelajari dan memahami tentang pendefinisian lagu rakyat secara terperinci. Hal ini, kerana aspek-aspek ini sangat penting dan sewajarnya dititikberatkan oleh masyarakat untuk menggunakan dan mengaplikasikan definisi-difinisi tersebut dengan melalui kajian-kajian yang dijalankan untuk kajian dalam lagu rakyat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Dalam bab 3, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai metodologi kajian. Metodologi kajian adalah satu kaedah pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan untuk mendapatkan hasil kajian yang betul dan tepat selari dengan tema kajian yang dijalankan. Metodologi kajian ini turut menjelaskan tentang kaedah dan cara kajian yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah kajian dan persoalan kajian. Tujuan menjalankan metodologi kajian ini ialah untuk memperoleh jawapan yang lebih tepat melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik.

Selain itu, metodologi kajian memberi penekanan terhadap cara atau kaedah yang digunakan dalam kajian untuk proses pengumpulan data dan analisis data. Justeru itu, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua kaedah yang sesuai untuk pengumpulan data yang sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah tersebut sangat penting untuk digunakan dalam kajian ini kerana ianya berpotensi untuk memperoleh maklumat-maklumat yang benar dan tepat mengenai kajian ini.

KELANTAN

### 3.2 REKA BENTU KAJIAN

Reka bentuk kajian merupakan cara pengolahan data yang diperoleh berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Selain itu, reka bentuk kajian cara penyelidik mengendali kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan yang terdapat dalam kajian. Reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mengawal punca-punca masalah yang boleh mengganggu dapatan kajian.

Selain itu, reka bentuk kajian juga merupakan strategi-strategi yang akan digunakan dalam proses penyelidikan ini. Ianya bertujuan untuk memudahkan lagi proses-proses pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah ini paling sesuai dan mudah digunakan berdasarkan tajuk yang hendak dikaji.

Kaedah kualitatif yang digunakan adalah satu kaedah yang lebih kepada data gambaran dan ilmu pengetahuan dalam membuat olahan sesuatu yang yang dikaji oleh pengkaji. Sebagai contoh, kajian terhadap seseorang individu untuk mendapatkan maklumat secara terperinci. Peranan kaedah kualitatif ini dilaksanakan adalah untuk mengumpulkan data, memperoleh maklumat yang tepat dan pengetahuan-pengetahuan yang lain yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji iaitu kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan.

### 3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji menggunakan pelbagai teknik dan kaedah dalam mengumpulkan data yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan iaitu kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Dengan melalui pelbagai teknik yang digunakan, ianya akan dapat membantu memudahkan pengkaji dalam membuat analisis, sukatan serta ukuran bagi setiap data yang diperoleh malalui kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, antara kaedah dan cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang tepat dalam kajian adalah seperti yang berikut:

#### 3.3.1 DATA PRIMER

Data primer adalah sumber data yang diperoleh secara langsung dari sumber aslinya. Kebiasaannya data primer ini diperoleh melalui beberapa kaedah untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat yang dapat digunakan dalam menghasilkan kajian projek penyelidikan yang baik. Terdapat beberapa kaedah dalam data primer yang sering digunakan oleh pengkaji sebelum ini. Antaranya ialah kaedah temu bual dan kaedah soal selidik.

### 3.3.1.1 TEMU BUAL

Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan pengkaji dengan responden yang berinteraksi secara bersemuka. Kaedah ini digunakan untuk meninjau corak kehidupan responden di kawasan kajian. Pengkaji akan menanyakan beberapa soalan kepada responden samaada secara spontan mahupun formal dan responden akan menjawab secara terus kepada pengkaji. Sebelum itu, pengkaji akan memberikan beberapa soalan temu bual kepada responden sebelum diajukan beberapa soalan pandangan kepada responden yang berkaitan tajuk kajian iaitu kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Selain itu, temu bual ini terbahagi kepada tiga iaitu berstruktur, separa struktur dan tidak berstruktur. Bagi temu bual berstruktur adalah temu bual yang dilakukan secara formal. Selain itu, temu bual separa struktur pula adalah bentuk soalan utama sahaja yang disediakan dan soalan susulan pula berdasarkan jawapan daripada responden. Seterusnya, temu bual tidak berstruktur pula dijalankan secara tidak formal antara responden dengan pengkaji iaitu dengan menggunakan soalan terbuka bagi mengetahui maklumat daripada responden dengan lebih mendalam.

### 3.3.1.2 SOAL SELIDIK

Soal selidik adalah satu temu bual yang berstruktur yang dijalankan secara bertulis. Unsur-unsur yang terdapat dalam soal selidik adalah seperti soalan-soalan yang spesifik yang mana ianya telah disusun oleh pengkaji mengikut susunan yang sepatutnya yang sesuai kepada responden. Selain itu, soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik adalah terdiri daripada

soalan terbuka dan tertutup. Di samping itu, dalam situasi ini pula responden hanya perlu memberikan jawapan ataupun pandangan yang ringkas ataupun memilih jawapan-jawapan yang telah disediakan oleh pengkaji. Seterusnya, bahasa yang digunakan dalam soal selidik ini pula mestilah Bahasa yang mudah untuk difahami yang mana ianya perlu sesuai dengan kebolehan dan taraf sosiobudaya responden yang dikaji. Sebagai contoh, penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh semua responden.

### **3.3.2 DATA SEKUNDER**

Data sekunder merupakan sumber data ataupun maklumat yang telah diperoleh hasil daripada data-data yang sedia ada melalui data primer dan media massa serta media elektronik. Sebagai contoh, buku, catatan, bukti yang telah ada, jurnal, artikel dan bahan-bahan rujukan dan juga penulisan. Kaedah ini juga dekenali sebagai kajian perpustakaan.

#### **3.3.2.1 JURNAL**

Jurnal merupakan satu penulisan akademik yang mana ianya mengandungi artikel-artikel ilmiah yang sering dijadikan rujukan oleh pengkaji dalam proses membuat rujukan. Selain itu, sumber-sumber yang diperoleh oleh pengkaji daripada jurnal perlulah berkaitan dan sesuai dengan tajuk yang dikaji iaitu kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Sebagai contoh salah satu jurnal yang dipilih dan telah dijadikan rujukan oleh pengkaji adalah seperti “Seni Lagu Melayu Tradisi Jabatan Persatuan Orang Melayu” dan

sebagainya. Pengkaji hanya mengambil isi-isi penting sahaja daripada jurnal-jurnal dan dijadikan sebagai bahan rujukan.

### **3.3.2.2 BUKU**

Buku merupakan satu kumpulan kertas yang dicetak yang mempunyai informasi yang berguna dan dijilidkan menjadi satu unik. Pengkaji menggunakan beberapa buku ilmiah yang mana ianya sesuai dengan tajuk yang dikaji. Antara buku yang telah dikaji oleh pengkaji untuk mendapatkan bahan rujukan adalah buku “Pantun Dan Seloka Kanak-Kanak Sayang” dan “Puisi Melayu Tradisional”.

### **3.3.2.3 INTERNET**

Internet adalah satu jaringan komputer yang mana ianya saling terhubung secara global yang membolehkan semua pengguna internet saling bertukar maklumat atau data melalui jaringan tersebut dengan negara-negara lain di seluruh dunia. Internet sangat penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan info yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

### 3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat banyak kaedah dan cara pengumpulan data yang dapat dilakukan oleh pengkaji untuk membantu memudahkan proses kajian yang dijalankan dengan lebih baik dan tersusun. Selain itu, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah antara kaedah yang terbaik untuk menjawab segala persoalan yang telah dikemukakan.

Selain itu, hasil daripada analisis kajian yang dijalankan itu akhirnya akan membolehkan pengkaji untuk menilai dan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Akhir sekali, hasil yang dapat daripada kajian ini diharapkan akan dapat membantu masyarakat terutamanya generasi muda di Negeri Kelantan untuk terus memelihara lagu rakyat ini supaya lagu rakyat ini tidak pupus ditelan arus kemodenan.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab 4, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kaedah-kaedah yang telah digunakan seperti kaedah soal selidik dan temu bual. Berdasarkan semua kaedah tersebut, data-data yang telah diperoleh perlu dikumpul untuk dianalisa secara lebih terperinci bagi mendapatkan jawapan terhadap persoalan dan objektif kajian yang berkaitan dengan kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan yang telah dinyatakan dalam bab 1. Selain itu, pengkaji juga dapat membuat tafsiran terhadap hasil analisis data dan dapat menjelaskan dapatan kajian yang telah dianalisis berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan.

Di samping itu, analisis data tersebut akan dianalisis dalam bentuk karangan dan huraian bagi memastikan hasil penyelidikan adalah yang tepat dan jelas. Seterusnya, huraian yang telah dilakukan tersebut mampu untuk memudahkan penyampaian hasil kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji. Dapatan kajian ini telah meliputi persoalan dan objektif kajian yang berkaitan dengan kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan.

## 4.2 MENGENALPASTI LAGU-LAGU RAKYAT YANG POPULAR DI NEGERI KELANTAN

Lagu rakyat memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat terutamanya bagi menyambut sesuatu perayaan atau keramaian. Unsur penyatuan dalam cara hidup masyarakat Melayu sangat jelas dimanifestasikan pada pandangan masyarakat melalui lagu rakyat apabila lagu-lagu tersebut kebanyakannya dimainkan ketika berkumpul dalam upacara keramaian seperti majlis perkahwinan atau perayaan. Selain itu juga, lagu rakyat turut dinyanyikan untuk mengisi masa lapang bagi menghiburkan hati seseorang yang gundah gulana dan turut dinyanyikan oleh ibu-ibu untuk mendodoikan bayi atau kanak-kanak untuk memudahkan anak-anak mereka tidur dengan tenang.

Selain itu, untuk mengenalpasti lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan sangat mudah. Hal ini kerana, kebanyakkan lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan biasanya lagu-lagu yang berunsurkan binatang, kemasyarakatan, kenegerian, nasihat dan juga teguran. Sebagai contoh lagu rakyat yang popular dari dulu sehingga sekarang adalah lagu Tikus Masyarakat, Lembu Tok Tambat (Lembu Yang Tak Diikat) yang dinyanyikan oleh Allahyarham Cikgu Naim. Lagu-lagu tersebut banyak memberikan maksud yang mendalam yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat sekeliling terutamanya di Negeri Kelantan.

Di samping itu, bahasa dan tutur kata yang terdapat dalam lirik lagu-lagu rakyat Kelantan juga memberi peranan yang besar bagi mengenalpasti lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Biasanya, lagu yang dinyanyikan tersebut menggunakan bahasa dan loghat yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat Negeri Kelantan. Oleh itu, semua nasihat, pesanan, teguran yang disampaikan dalam lagu-lagu rakyat tersebut dapat difahami dengan

mudah dan dapat dipraktikkan oleh semua masyarakat yang mendengar lagu-lagu rakyat tersebut.

Akhir sekali, lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan biasanya lagu tersebut diciptakan dan dinyanyikan oleh artis yang sudah popular. Sebagai contoh, lagu anak tupai merupakan sebuah lagu yang sangat popular bukan sahaja di Negeri Kelantan malah di seluruh Malaysia. Lagu anak tupai diciptakan oleh Halim Yazid dan dinyanyikan sendiri oleh beliau. Beliau pula adalah merupakan penyanyi dan pendikir barat yang sudah terkenal di Kelantan. Oleh sebab itulah, lagu anak tupai tersebut telah popular kerana disebabkan oleh orang yang membawa lagu itu sendiri sudahpun popular di kalangan masyarakat setempat.

#### **4.3 SENARAI LAGU RAKYAT**

##### **4.3.1 WAU BULE (SEMAN WAU BULE)**

*Wau wau bule wau bule,  
Wau bule teraju tigo,  
Alaa ewa ewa bule,  
ewa bulan teraju tigo.*

**(Wau wau bulan wau bulan,  
Wau bulan teraju tiga,  
Alaa ewa ewa bulan,  
Ewa bulan teraju tiga.)**

*Sedaro sedaro keno dengar lebih kure,  
Apo ambo royak ambo tulong crito,  
Takut salah dale cd ambo rama duduk taye,*

*Demo jange maroh stahun dari dan stahun date.*

(**Saudara-saudara kena dengar lebih kurang,  
Apa saya cakap saya tolong cerita,  
Takut salah dalam CD saya ramai yang tayang,  
Awak jangan marah setahun dari setahun datang**)

*Maah lah wei sedaro-sedaro tino jate,  
Kalu ado saloh jange sipe dale dado,  
Ingat lah wei banyok-banyok ambo nok pese,  
Hok saloh silap jange kito duk mase muko.*

(**Maaf lah saudara-saudara perempuan lelaki,  
Kalau ada salah jangan simpan dalam dada,  
Ingat lah banyak-banyak saya nak pesan,  
Yang ada salah silap jangan kita bermasam muka.)**

*Rama-rama tengok gamba dan tino jate  
Tulung pakak beli jange duduk tengok sajo  
Maah lai wei sedaro-sedaro selamat male,  
Terima kasih banyak-banyak ko puok ambo.*

(**Ramai-ramai tengok gambar dan lelaki perempuan,  
Tolong berpakat beli jangan hanyak tengok sahaja,  
Maaf lah saudara-saudara selamat malam,  
Terima kasih banyak-banyak ke kami semua.)**

#### 4.3.2. ANAK TUPAI (HALIM YAZID)

*Ado sekor anak tupai atah julai mokte,  
Kudung ekor perut lapar jalan cari makan,  
Kejadian tuhan dipanggil nama tupai,*

*Asalnya dale hutan sejenis mamalia.*

**(Ada seekor anak tupai atas dahan rambutan,  
Kudung ekor perut lapar jalan cari makan,  
Kejadian tuhan diberi nama tupai,  
Asalnya dalam hutan sejenis mamalia.)**

*Kalu pasal jakit kok dehe dialah yg paling pandai,  
Jatuh jare jare kerana dia tak sober,  
Pandai pandai tupai melompat jatuh tanah jugok,  
Tak wi rama ore jahat jale telajok mangok.*

**(Kalau mengenai berjangkit dialah yang paling pandai  
Jatuh jarang-jarang kerana dia tidak sabar,  
Pandai-pandai tupai melompat jatuh ke tanah jua,  
Tidak bagi orang jahat jalan terlalu sompong)**  
*Ore Jame ritu pakat hambat tupai,  
Bimbe ko woh kayu takuk tokdan besar,  
Nyor derian duku kalu dan nye kerit tupai,  
Pendek tahun tu nyor derian takdan nak jual.*

**(Orang zaman dahulu semua halau tupai,  
Risau ke buah-buahan takut tak sempat besar,  
Kelapa durian duku kalau kena gigit tupai.  
Nanti tahun itu kelapa durian tidak sempat jual.**

*Ore sekepung tupai sekor berambat hari hari,  
Nya pakat likung nya pakat pekong tupai takleh lagi,  
Sakat bedil ado tupai habih mati,  
Hok ni lah saya raso kita sangat rugi.*

**(Orang sekampung tupai seekor bekejar hari-hari,**

**Berpakat tahan berpakat baling tupai tak boleh lagi,  
Setakat senapang ada tupai habis mati,  
Yang ini lah saya rasa kita sangat rugi.)**

*Kita manusio tinggi mana pun kita ngaji,  
Nak wat tupai sekor tentu sekali nya tak jadi,  
Loni kapung atau bandar jare buleh tgk,  
Bapok tupai ibu tupai jale bawak anak.*

**(kita manusia tinggi mana pun kita belajar,  
Nak buat tupai seekor susah tentu tidak menjadi,  
Sekarang kampung atau bandar jarang boleh tengok,  
Bapak tupai ibu tupai jalan bawa anak)**

*Rasa kesian sungguh tgk sekor ke anak tupai,  
Kerana telajok kuruh sapa tokleh nak niti pagar,  
Bulu bulu pun habih luruh air mato bederai derai,  
Mari dale baruh bekali kena racun tebaka.*

**(Rasa kesian sungguh tengok seekor ke anak tupai,  
Kerana terlajak kurus sampai tak boleh nak meniti pagar,  
Bulu-bulu pun habis gugur air mata berderai-derai,  
Datang dari dalam paya mungkin terkena racun tembakau.)**

#### 4.3.3 TIKUS MASYARAKAT (CIKGU NAIM)

*Bilo sebut tikus ambo beraso nok ngila,  
Bulu mace berus palo srupo sang tupa,  
Ekor panje tirus bibir mulut ado misa,  
Peranga napok juruh bare ogre tokleh klipah.*

**(Bila sebut tikus saya rasa nak ketawa,  
Bulu seperti berus kepala seperti sang tupai,  
Ekor panjang tirus bibir mulut ada misai,  
Perangai Nampak baik barang orang tinggal.)**

*Tikus banyak kereno sabit rama oghe beci,  
Buwi duduk atah rumoh tokleh lepo dio nok curi,  
Woyer-woyar dio mamoh jahaney habih rodio tivi,  
Panda benar kalu munoh jange harap dio nok bekki.*

**(Tikus banyak kerena sebab itu ramai orang benci,  
Bagi tinggal dalam rumah tak boleh percaya dia nak mencuri,  
Wayar-wayar dia gigit jahanam habis radio tv,  
Pandai sangat kalau rosakkan jangan harap dia nak baiki.)**

*Bagi oghe tok tahu dio tok kato tikus jahat,  
Tengoh hari tikuh malu dio tubik waktu gelap,  
Saloh kito pase lapu bulih tengok lah dio melopak,  
Kade tepuh boto budu tebalik abih boto kicap.*

**(Bagi orang yang tidak tahu dia tidak kata tikus jahat,  
Tengah hari tikus malu dia keluar waktu gelap,  
Kalau kita pasang lampu boleh tengok lah dia melompat,  
Kadang langar botol budu terbalik habis botol kicap)**

*Dale mari kito kaba-kaba bau hapok,  
Tikuh tidak duduk sajo dio kecing dio berok,  
Surat gada gere kreto kerik tikuh abih soyok,  
Sabik kito manusio temu tikuh baik katok.*

**(Dalam almari kita sedar-sedar bau hampak,  
Tikus tidak duduk saja dia kencing dia berak,**

**Surat gadai geran kereta gigit tikus habis koyak,  
Sebab itu kita manusia jumpa tikus baik pukul.)**

*Sakat dunio maju peranga tikuh banyok beruboh,  
Kerajaean duduk saru rama tikuh nagih dadoh,  
Perah ugut seluk saku rumoh ogre pun dio pecoh,  
Cermin nako metol lapu pondok talipon pun dio kekoh.*

**(Setakat dunia maju perangai tikus banyak berubah,  
Kerajaan duduk risau ramai tikus penagih dadah,  
Perah ugut mencuri rumah orang pun dia pecah,  
Cermin tinggap mentol lampu pondok telifon pun dia gigit.)**

*Bandar Kota Bharu tikuh lepok supermarket,  
Duduk ngosek tino lalu skali tengok po kuba rabik,  
Ari jumaat tikuh tunggu oghe semaye di masjid,  
Ado selipar kasut baru puok tikuh curi ambik.  
  
(Bandar Kota Bharu tikus lepak supermarket,  
Duduk mengusik perempuan lalu sekali tengok serupa kerbau,  
Hari jumaat tikus tunggu orang sembahyang di masjid,  
Ada selipar kasut baru geng tikus curi ambil.)*

*Ado tikuh cerdik peseng tikuh model baru,  
Jenih tikuh tok make nasik dio make bate kayu,  
Liar benar cari duit beli kreto rumoh baru,  
Kade peranga srupo palesit samo sdiri pun dio tipu.*

**(Ada tikus cerdik jenis tikus model baru,  
Jenis tikus tidak makan nasi dia makan batang kayu,  
Liar sangat cari duit beli kereta rumah baru,  
Kadang perangai serupa palesit sama sendiri pun dia tipu.)**

#### 4.3.4 LEMBU TOK TAMBAK (CIKGU NAIM)

*Lembu sapo dio, lepah sie male,  
Gi rato-rato supo takdok tue,  
Berok depe tanggo genak tengoh jale,  
Masuk ppaga ambo duk make anok pise,  
Lembu sapo diooo...*

(**Lembu siapa dia lepas siang malam,  
Pegi rata-rata seperti tiada pengembala,  
Berak pedan tangga mengacau tengah jalan,  
Masuk dalam pagar saya makan anak pisang,  
Lembu siapa dia...)**)

*Ingat sakik hati ambo nok pakat pitah,  
Jeruk denga tali kito nok pakat bukah,  
Mero sajo reti tambat demo malah,  
Baik muak lori wi make ko rima sarkah.*

(**Ingat sakit hati saya nak berpakat tangkap,  
Tangkap dengan tali kita nak pakat ikat,  
Bela sahaja pandai ikat awak malas,  
Baik isi lori bagi makan kepada harimau.)**

*Buke skali duo ambo ule gi royak,  
Doh demo nok mero mitoklah tulong tambak,  
Lembu berok rato najih deo lekak,  
Keno kheto ambo kheto baru naik karak.*

(**Bukan sekali dua saya ulang pergi cakap,  
Dah awak nak bela mintaklah tolong ikat,  
Lembu berak merata najis dia lekat,  
Kena pada kereta saya kereta baru naik karak.)**

*Hari gati minggu ogre kapong duk gege,  
 Demo pero lembu malah buak kande,  
 Pagi dderu2x masuk kebun kawe,  
 Anok durie duku abih licing nigga dehe.*

**(Hari berganti minggu orang kampung bising,  
 Awak bela lembu malas buat kendang,  
 Pagi ramai-ramai masuk kebun saya,  
 Anak durian duku habis licin tinggal dahan.)**

*Demo keno tahu demo keno pehe,  
 Demo pero lembu make taname ogre,  
 Lembu hargo sribu smeleh buak korbe,  
 Pitih jua lembu tu hare demo make,*

**(Awak kena tahu awak kena faham,  
 Awak bela lembu makan tanaman orang,  
 Lembu harga seribu sembelih buat korban,  
 Duit jual lembu tu haram awak makan)**

*Lembu masuk paga tue buak tok kisoh,  
 Jual lembu buak modal naik aji gi mekoh,  
 Tuenyo tok hala duk maki duk supoh,  
 Serbe toksoh paka bukuh palo nga pok getoh.*

**(Lembu masuk pagar tuan buat tidak kesah,  
 Jual lembu buat modal naik haji pergi mekah,  
 Tuannya tidak halal duduk maki duduk sumpah,  
 Serban tak payah pakai ikat kepala dengan getah buku.)**

*Molek buak pakak cari jale hala,  
 Pero lembu tambak mnane buak paga,  
 Maen denga acak takuk tokleh soba,  
 Asoh lah sadak samo skapong baloh besa,*

(Elok berpakan cari jalan halal,  
Bela lembu ikat menanam buat pagar'  
Main dengan selalu takut tak boleh sabar,  
Asahlah sabit sama sekampung bergaduh besar.)

#### 4.3.5 SESAL TOK NGAJI (CIKGU NAIM)

*Loni hati ku sesa krano dulu tok ngaji,  
Dok turuk saing naka royak molek tok reti,  
Ore doh jadi pegawa aku dok kapung jadi koli,  
Pagi cerut ruput kuba pete-pete ngasuh biri.*

(Sekarang hatiku sesal kerana dulu tidak sekolah,  
Duduk ikut kawan nakal cakap elok tak faham,  
Orang dah jadi pengawal aku duduk kampung jadi kuli,  
Pagi mencerut rumput kerbau petang-petang menjaga biri-biri.

*Ayoh aku suruh sekolah,  
Sapa sekerak aku poteng,  
Ko dok main dale rok getoh,  
Rama-rama nga kawe saing.*

(Ayah aku suruh sekolah,  
Sampai separuh aku ponteng,  
Pergi bermain dalam semak getah,  
Ramai-ramai dengan aku berkawan.)

*Ku dok main belago buoh,  
Main nusuk pekong tin,  
Loni aku doh susoh,  
Baru aku nok mikir.*

(Aku bermain belaga buah,  
Main sorok-sorok baling tin,  
Sekarang aku dah susah,  
Baru aku nak berfikir.)

*Kain baju aku paka,  
Sekehen bare kodi,  
Jual tambung dale keda,  
Ore lelong aku beli.  
(kain baju aku pakai'  
Secand hand barang lama,  
Jual tambung dalam kedai,  
Orang lelong aku beli.)*

*Kade basuh tok tangga,  
Atah tekok penuh daki,  
Bokali tue asa,  
Wat kain gabuh kaki.  
(Kadang basuh tidak tanggal,  
Atas leher penuh daki,  
Barangkali tuan asal,  
Buat kain lap kaki.)*

*Saing-saing beli keto,  
Aku gelek basikal buruk,  
Buleh bini tok payoh belanjo,  
Kerano aku jadi pok sangguk,*

**(Kawan-kawan beli kereta,  
Aku bawa basikal buruk,  
Boleh isteri tak usah belanja,  
Kerana aku jadi pak sanggup.)**

*Takdok aroh nok susuk muko,  
Bowok peta gendong beruk,  
Cari pitih samah duo,  
Kalu tidak tok berasak puyuk.*

**(Tiada arah nak sorok muka,  
Bawa petai gendong beruk,  
Cari duit siringgit dua,  
Kalau tidak tak berasap periuk)**

*Ore ajok gi kualo lupo,  
Naik keto api leterik,  
Sapa stesen ogre suruh turun,  
Tok jupo pintu nok tubik.  
**(Orang ajak pergi Kuala Lumpur,  
Naik kereta api elektrik,  
Sampai stesyen orang suruh turun,  
Tak jumpa pintu nak keluar.)***

*Puah jerik puah melaung,  
Puah menyanyi puah nasyik,  
Budok kecik jah mari tulong,  
Tunjuk jale pitu tubik.*

**(Puas menjerit puas meraung,  
Puas menyanyi puas nasyid,  
Budak kecil je datang tolong,  
Tunjuk jalan pintu keluar.)**

*Tra jugok aku kijo,  
Isi bore jawate kosong,*

*Takdok sijil gapo-gapo,  
Derak cagak air lio,  
(Try juga aku kerja,  
Isi boring jawatan kosong,  
Tak ada sijil apa-apa,  
Terkelu-kelu air liur.)*

*Ore putih temu dugo,  
Kecek sepatoh aku telopong,  
Suruh pecek komputor,  
Aku kesak air hidung.*

**(Orang putih temu duga,  
Cakap sepatah aku ternganga,  
Suruh tekan computer,  
Aku sapu air hidung.)**

*Tulong belaja lah panda-panda,  
Anok-anok dok tengoh mengaji,  
Loni baru ku kaba,  
Kerano dulu aku dok ngaji.*

**(Tolong bekajar lah pandai-pandai,  
Anak-anak duk tengah sekolah,  
Sekarang bar uku sedar,  
Kerana dulu aku tidak sekolah.)**

*Mace bare takdok nila,  
Ore hino ore keji,  
Adik beradik puntok hira,  
Ore lain apo lagi.*

(Macam barang taka da nilai,  
Orang hina orang puji,  
Adik-beradik pun tidau hirau,  
Orang lain apatah lagi.)

#### 4.4 MENGKAJI UNSUR-UNSUR NASIHAT YANG TERDAPAT DALAM LAGU RAKYAT DI NEGERI KELANTAN

##### 4.4.1 Lagu Wau Bulan

Lagu Wau Bulan diciptakan dan dinyanyikan oleh orang yang sama iaitu Seman Mamat. Beliau merupakan tokoh dikir barat yang paling terkenal di Negeri Kelantan. Beliau berasal daripada Kampung Belukar Beta Hulu, Ketereh, Kelantan dan lebih dikenali sebagai Seman Wau Bulan. Toloh dikir barat ini telah aktif sebagai pendikir pada tahun 1958 iaitu selah menyertai kumpulan dikir barat bersama rakan-rakannya. Tokoh dikir barat ini telah meninggal dunia pada usia 65 tahun akibat serangan jantung.

Lagu Wau Bulan adalah lagu yang sering dinyanyikan pada akhir persembahan dikir barat. Hal ini kerana, lagu tersebut mempunyai unsur-unsur nasihat dan dijadikan sebagai tanda untuk memohon maaf kepada penonton sekiranya ada tersalah kata atau menyinggung perasaan sepanjang membuat persembahan dikir barat. Lagu Wau Bulan yang dinyanyikan pula sangat mendayu-dayu sehingga ada sesetengah penonton rasa tersentuh dan mengalirkan air mata.

*Wau wau bule wau bule,  
Wau bule teraju tigo,  
Alaa ewa ewa bule  
ewa bulan teraju tigo*

*sedaro sedaro keno dengar lebih kure*

*apo ambo royak ambo tulong crito  
takut salah dale cd ambo rama duduk taye  
demo jange maroh stahun dari dan stahun date*

*Maah lah wei sedaro-sedaro tino jate,  
Kalu ado salah jange sipe dale dado,  
Ingat lah wei banyok-banyok ambo nok pese,  
Hok salah silap jange kito duk mase muko,*

*Rama-rama tengok gamba dan tino jate  
Tulung pakak beli jange duduk tengok sajo  
Maah lai wei sedaro-sedaro selamat male,  
Terima kasih banyok-banyok ko puok ambo.*

(Wau Bulan: Seman Wau Bulan)

Pada rangkap pertama lirik lagu tersebut menceritakan tentang bentuk fizikal wau bulan iaitu wau bulan yang mempunyai teraju tiga. Beliau menyanyi dengan mendayu-dayu sambal awak-awak membuat pergerakan menarik tali wau bulan dan menepuk tangan. Pada rangkap kedua pula, maksud yang disampaikan adalah mengajak penonton untuk mendengar pesanan yang ingin disampaikan iaitu pesanannya yang ingin meminta maaf sekiranya ada kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam CD dikir barat yang beliau telah dijual. Seterusnya, pada rangkap ketiga terdapat nilai nasihat yang disampaikan iaitu nasihat jikalau ada salah dan silap jangan disimpan di dalam dada dan jangan sampai bermasam muka. Akhir sekali, pada rangkap terakhir maksud yang disampaikan adalah meminta maaf kepada semua dan ucapan terima kasih kepada penonton yang sudi menyaksikan persembahan dikir barat tersebut.

#### **4.4.2. Lagu Anak Tupai**

Lagu anak tupai telah diciptakan dan dinyanyikan oleh Abdul Halim bin Yazid atau lebih mesra dipanggil Halim Yazid. Beliau berasal daripada Pasar Puteh, Kelantan dan berusia 48 tahun serta mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya. Lagu anak tupai yang diciptakan oleh beliau sangat popular bukan sahaja di kalangan masyarakat Kelantan, malah di seluruh Malaysia. Lebih membanggakan lagi, lagu anak tupai tersebut telah menjadi lagu tema dalam sebuah filem iaitu filem Budak Kelantan yang telah ditayangkan di pawagam tempatan.

Selain itu, lagu anak tupai mempunyai banyak maksud yang mendalam serta terdapat unsur-unsur nasihat yang turut disampaikan kepada masyarakat dalam lagu tersebut kepada masyarakat.

*Kalu pasal jakit kok dehe dialah yg paling pandai,  
Jatuh jare jare kerana dia tak sober,  
Pandai pandai tupai melompat jatuh tanah jugok,  
Tak wi rama ore jahat jale telajok mangok.*

(Anak Tupai: Halim Yazid)

Maksud lirik yang cuba disampaikan dalam rangkap lagu tersebut pada mulanya adalah mengenai sifat seekor tupai yang bersaiz kecil yang sangat handal mengenai lompatan dari dahan ke dahan sehingga melompat dari pokok ke pokok yang lain. Namun begitu, sepadai-pandai tupai melompat akhirnya akan jatuh ke tanah jua iaitu ada kalanya tupai itu tersilap langkah dan akan jatuh ke tanah.

Selain itu, maksud lain yang cuba disampikan dalam rangkap lagu tersebut adalah tentang sikap manusia yang akan terbangkar jua. Hal ini kerana, walaupun bermacam-macam cara yang cuba dilakukan untuk menyembunyikan perbuatannya yang buruk daripada pengetahuan orang ramai tetapi akhirnya perbuatannya itu tetap akan terbongkar.

*Rasa kesian sungguh tengok sekor ke anok tupai  
Kerana telajok kuruh sapa tokleh nak niti pagar  
Bulu bulu pun habih luruh air mato bederai derai  
Mari dale baruh bekali kena racun tebaka*

(Anak Tupai: Halim Yazid)

Dalam rangkap itu pula, maksud yang disampaikan mengenai lirik lagu anak tupai adalah mengenai sikap manusia yang suka menganiyai binatang. Tupai merupakan seekor binatang yang bersaiz kecil dan sering makan dan merosakkan buah-buahan dan hasil tanaman manusia seperti buah durian, rambutan, kelapa dan sebagainya. Namun begitu, tupai terpaksa menerima hukuman yang sangat berat iaitu hukuman bunuh seperti ditembak dan diracun. Oleh itu, unsur nasihat yang cuba disampaikan adalah janganlah kita sesuka hati menjatuhkan sebarang hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya kerana tupai itu juga adalah makhluk ciptaan Allah.

#### 4.4.3 Lagu Tikus Masyarakat

Lagu tikus masyarakat adalah sebuah lagu yang diciptakan oleh Cikgu Naim pada tahun 2005. Lagu ini sangat terkenal kerana mempunyai maksud yang sangat mendalam yang mempinyai unsur nasihat dan sindiran kepada masyarakat.

*Sakat dunio maju peranga tikuh banyok beruboh,  
Kerajaee duduk saru rama tikuh nagih dadoh,  
Perah ugut seluk saku rumoh ogre pun dio pecoh,  
Cermin nako metol lapu pondok talipon pun dio kekoh.*

(Tikus masyarakat: Cikgu Naim)

Maksud rangkap lirik lagu tersebut menceritakan tentang manusia yang sudah berubah. Perkataan tikus dalam lirik lagu itu sebenarnya adalah gambaran kepada manusia yang tidak

berguna. Hal ini kerana, pada masa sekarang manusia ramai yang berubah menjadi orang yang tidak berguna kerana disebabkan oleh kesan daripada gejala dadah yang semakin hari semakin meningkat. Perkara itu telah menyebabkan masalah-masalah sosial seperti perah ugut, mencuri, pecah rumah dan sebagainya.

## **4.5 MENGKAJI TAHAP PENGETAHUAN GENERASI MUDA TENTANG LAGU RAKYAT YANG TELAH DIPOPULARKAN DI NEGERI KELANTAN**

### **4.5.1 ANALISIS DATA BORANG SOAL SELIDIK**


Bagi melihat hasil dapatan kajian yang sudah dilakukan, data yang telah diperolehi akan diterjernahkan ke dalam bentuk jadual dengan mengira peratusan masyarakat terhadap lagu rakyat. Seramai 50 orang responden iaitu 21 orang adalah responden lelaki dan 29 orang adalah responden perempuan. Data pertama dianalisis oleh pengkaji adalah data yang berkaitan dengan demografi atau maklumat mengenai responden.

Data ini dikaji adalah untuk melihat perbezaan yang terdapat pada responden seperti perbezaan umur, jantina, bangsa, dan pekerjaan. Data atau maklumat ini dikaji oleh pengkaji melalui borang kaji selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada responden yang telah dipilih. Borang soal selidik ini merujuk kepada masyarakat bandar dan luar bandar di Negeri Kelantan.

**Carta Pai 4.1 Taburan Jantina**

Jantina


50 responses

**Jadual 4.1 Taburan Jantina**

Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Lelaki	21	42%
Perempuan	29	58%

Pada bahagian pertama borang soal selidik merujuk kepada maklumat responden. Sebanyak 50 responden yang dipilih dalam kajian ini. Merujuk kepada graf 1 sebanyak 21 orang responden iaitu (42%) lelaki manakala 29 orang adalah responden perempuan iaitu (58%).

Hal ini telah mendapat bahawa golongan perempuan lebih mudah untuk bekerjasama dalam menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan berbanding dengan golongan lelaki yang susah untuk bekerjasama. Oleh disebabkan itu, responden perempuan lebih ramai berbanding dengan responden lelaki lelaki.

**Carta Pai 4.2 Taburan Umur****Jadual 4.2 Taburan Umur**


Umur	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
18-20 Tahun	6	16%
21-25 Tahun	29	58%
26-30 Tahun	13	26%

Carta pai di atas menunjukkan taburan umur responden yang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Responden yang berumur antara 18 hingga 20 tahun adalah sebanyak 6 orang iaitu 16% manakala pada peringkat umur 21 hingga 25 tahun pula adalah seramai 29 orang iaitu 58%.

Selain itu, pada peringkat umur 26 hingga 30 tahun pula adalah seramai 13 orang iaitu 26%. Peratusan taburan umur yang tertinggi adalah pada peringkat umur 21 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 29 orang. Hal ini disebabkan oleh golongan tersebut merupakan pelajar daripada

Universiti Malaysia Kelantan yang sangat teruja untuk menjawab soalan-soalan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan berbanding dengan responden yang berumur antara 18 hingga 20 tahun dan 26 hingga 30 tahun yang masing-masing menunjukkan peratusan sebanyak 16% dan 26%. Hal ini kerana, kebanyakkan mereka yang berumur dalam lingkungan tersebut adalah mereka yang bekerjaya dan tiada masa yang sesuai untuk menjawab soalan yang diberikan dalam borang soal selidik.

**Carta Pai 4.3 Taburan Bangsa**




**Jadual 4.3 Taburan Bangsa**

Bangsa	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Melayu	34	68%
Cina	7	14%
India	5	10%
Siam	4	8%

Carta pai di atas menunjukkan taburan bangsa responden yang telah menjawab soalan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan. Responden yang berbangsa melayu adalah seramai 34 orang dengan peratusan sebanyak 63% manakala responden berbangsa cina adalah seramai 7 orang iaitu 14%. Selain itu, responden berbangsa India dan Siam pula masing-masing hanya seramai 5 dan 4 orang iaitu 10% dan 8%.

Hal ini kerana, responden yang berbangsa melayu lebih ramai yang menjawab borang soal selidik berbanding dengan responden berbangsa cina, india dan siam kerana masyarakat di Negeri Kelantan terutamanya di kawasan luar bandar itu sendiri majoritinya penduduk yang berbangsa melayu lebih ramai berbanding bangsa-bangsa yang lain. Oleh sebab itulah peratusan responden berbangsa melayu lebih ramai berbanding bangsa cina, india dan siam.

**Rajah 4.1 Graf Taburan Pekerjaan****Jadual 4.4 Graf Taburan Pekerjaan**

Pekerjaan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Kerajaan	7	14%
Swasta	7	14%
Sendiri	8	16%
Pelajar	29	58%

Graf di atas menunjukkan graf taburan pekerjaan. Graf taburan pekerjaan tersebut menunjukkan bilangan pelajar lebih ramai yang menjawab borang soal selidik berbanding dengan sektor pekerjaan yang lain. Seramai 29 orang responden daripada pelajar iaitu sebanyak 58% manakala responden daripada sektor pekerjaan kerajaan dan swasta adalah masing-masing seramai 7 orang iaitu peratusan sebanyak 14%. Akhir sekali, responden yang bekerja sendiri pula seramai 8 orang iaitu peratusannya adalah 16%. Hal ini telah menunjukkan bahawa


responden daripada pelajar lagi mudah berurusan untuk menjawab soalan daripada borang soal selidik berbanding dengan responden yang telah bekerja.

#### 4.5.2 ANALISIS SOALAN-SOALAN BORANG SOAL SELIDIK

**Carta Pai 4.5 Soalan Pernahkah Anda Mendengar Lagu Rakyat negeri Kelantan?**

Pernahkan anda mendengar Lagu Rakyat Negeri Kelantan?

50 responses



Pernahkah Anda Mendengar Lagu Rakyat Negeri Kelantan?	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	36	76%
Tidak	12	24%


Carta pai di atas menunjukkan data soalan yang di ditanya di dalam borang soal selidik iaitu soalan: Pernahkah anda mendengar lagu rakyat Negeri Kelantan? Data telah menunjukkan iaitu seramai 36 orang yang menjawab Ya iaitu pernah mendengar sebanyak 76% manakala yang menjawab Tidak iaitu tidak pernah mendengar ialah seramai 12 orang iaitu sebanyak 24%. Hal

ini kerana, kebanyakkan yang pernah lagu rakyat negeri Kelantan adalah responden yang biasa mendengar di radio-radio pantai timur dan pelajar yang belajar di Negeri Kelantan. Bagi yang tidak pernah mendengar pula, responden tersebut tidak suka mendengar radio pantai timur dan merupakan orang luar dari pantai timur yang tinggal di bandar seperti di Kuala Lumpur dan di Negeri Johor.

#### **Carta Pai 4.6 Soalan Pernahkah Anda Mendengar Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan Di Negeri Kelantan?**

Pernahkan anda mendengar Lagu Rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan?

49 responses




Pernahkah Anda Mendengar Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan Di Negeri Kelantan?	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	32	65.3%
Tidak	17	34.7%

Carta pai di atas menunjukkan data soalan yang di ditanya di dalam borang soal selidik iaitu soalan: Pernahkah anda mendengar lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan? Data telah menunjukkan iaitu seramai 32 orang yang menjawab Ya iaitu pernah mendengar adalah sebanyak 65.3% manakala yang menjawab Tidak adalah seramai 17 orang iaitu 34.7%. responden yang pernah mendengar lagu rakyat yang telah dipopularkan biasanya responden yang berasal daripada Negeri Kelantan dan belajar di Negeri Kelantan. Hal ini kerana, lagu-lagu ini seringkali dijadikan lagu tema semasa dalam majlis-majlis perasmian dan keramaian.

#### **Carta Pai 4.7 Adakah Anda Berminat Dengan Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan di Negeri Kelantan?**

Adakah anda berminat dengan Lagu Rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan?  
50 responses



Adakah Anda Berminat Dengan Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan di Negeri Kelantan?	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	33	66%


Tidak	17	34%
-------	----	-----

Carta pai di atas menunjukkan data daripada soalan borang boal selidik yang telah dijawab oleh responden. Soalan yang terdapat dalam borang soal selidik adalah: Adakah Anda Berminat Dengan Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan di Negeri Kelantan? Carta pai tersebut menunjukkan seramai 33 orang responden berminat iaitu 66% manakala seramai 17 orang responden iaitu 34% tidak berminat dengan lagu rakyat yang telah dipopularkan.

Responden yang berminat dengan lagu rakyat adalah responden yang suka dengan budaya warisan Kelantan dan mereka juga berpendapat bahawa lagu rakyat yang telah dipopularkan ini adalah sangat unik dan menarik. Namun begitu, responden yang tidak berminat pula berpendapat bahawa lagu-lagu rakyat ini adalah lagu yang sudah ketinggalan zaman dan tidak perlu untuk dikembangkan lagi pada masa sekarang.

#### **Carta Pai 4.8 Adakah Generasi Muda perlu Mengetahui Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan Di Negeri Kelantan**

Adakah generasi muda perlu mengetahui Lagu Rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan?  
50 responses



Adakah Generasi Muda perlu Mengetahui Lagu Rakyat Yang Telah Dipopularkan Di Negeri Kelantan	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Ya	44	88%
Tidak	6	12%

Carta Pai di atas menunjukkan soalan yang telah dijawab oleh responden di dalam borang soal selidik iaitu soalan: Adakah generasi muda perlu mengetahui lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan. Carta tersebut menunjukkan responden yang mengatakan perlu iaitu seramai 44 orang responden bersamaan 88% manakala responden yang menjawab tidak perlu pula adalah seramai 6 orang iaitu 12%. Oleh itu, majoriti responden mengatakan generasi muda perlu mengetahui lagu rakyat yang telah dipopularkan di Negeri Kelantan kerana lagu-lagu rakyat tersebut sebenarnya mempunyai banyak kelebihan dan keunikkan yang tersendiri yang terdapat dalam setiap lagu rakyat Kelantan yang perlu diambil tauladan oleh generasi muda pada hari ini seperti nilai nasihat dan nilai murni.

#### 4.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kaedah-kaedah yang telah digunakan seperti kaedah soal selidik dan temu bual. Berdasarkan semua kaedah tersebut, data-data yang telah diperoleh telah dikumpul dan dianalisa secara lebih terperinci bagi mendapatkan jawapan

terhadap persoalan dan objektif kajian yang berkaitan dengan kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan yang telah dinyatakan dalam bab 1. Selain itu, pengkaji juga telah dapat membuat tafsiran terhadap hasil analisis data dan dapat menjelaskan dapatan kajian yang telah dianalisis berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan.

Di samping itu, analisis data tersebut sudah dianalisis dalam bentuk karangan dan huraian bagi memastikan hasil penyelidikan adalah yang tepat dan jelas. Seterusnya, huraian yang telah dilakukan tersebut mampu untuk memudahkan penyampaian hasil kajian yang telah diperoleh oleh pengkaji. Dapatan kajian ini telah meliputi persoalan dan objektif kajian yang berkaitan dengan kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 5

### PERBINCANGAN

#### 5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyertakan segala butiran tentang lagu rakyat dalam perbincangan yang telah dibuat. Perbincangan ini sangat penting dalam bab ini kerana dengan melalui aspek ini akan dapat menguji sejauh mana pemikiran pengkaji setelah membuat analisis dalam bab 4. Selain itu, bab terakhir ini juga akan membincangkan berkaitan dengan aspek kajian sepanjang proses penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji serta hasil kajian yang telah diperoleh. Dalam bab ini juga akan mengandungi cadangan dan kesimpulan secara keseluruhan yang dikemukakan untuk dijadikan garis panduan pengkaji pada masa akan datang yang berminat untuk menjalankan kajian yang sama secara lebih mendalam lagi.

Lagu rakyat sememangnya bukan sekadar untuk berhibur namun untuk mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat. Hal ini sangat membantu untuk proses pembentukan atau pembinaan insan yang hebat. Kebanyakkannya masyarakat tidak mengetahui kewujudan lagu rakyat di Negeri Kelantan walaupun lagu rakyat sebenarnya sangat memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat secara tidak formal. Hal ini bukan sahaja berfokus kepada golongan kanak-kanak malahan kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memahami kajian yang dijalankan iaitu mengenai kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Pengkaji juga telah

membuat analisis mengenai tajuk kajian yang dijalankan. Berdasarkan dapatan dan penemuan kajian yang tidak diulas seanjutnya dikemukakan mengenai beberapa cadangan dan saranan yang berkaitan dengan kajian ini. Bagi pembaca pada umumnya, supaya kajian ini memberi penambahan ilmu serta dapat mengembangkan lagi pengetahuan mengenai kajian terhadap lagu rakyat.

## 5.2 PERBINCANGAN

Lagu rakyat didefinisikan sebagai lagu rakyat budaya atau wilayah yang mencerminkan pandangan dan kehidupan mereka. Biasanya, lagu ini merujuk kepada lagu tanpa komposer atau penulis lirik yang terkenal dan lagu yang terdapat dalam pelbagai versi dikembangkan ketika ia menyebar, dan bukannya edisi hak cipta tunggal. Lagu rakyat lebih dikenali dengan panggilan lagu tradisional lama yang hanya popular di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Lagu-lagu rakyat adalah lagu yang diciptakan oleh orang-orang lama sehingga masih diwarisi sehingga ke hari ini. Namun pada masa dulu, tiada siapa yang tahu pemilik asal sesebuah lagu rakyat.

Lagu-lagu rakyat dulu berkisahkan kehidupan masyarakat zaman dahulu seperti kehidupan harian, sosial budaya, adat resam, makanan serta permainan dan sebagainya. Pada masa sekarang pula, lagu-lagu rakyat tersebut telah digubah sedikit demi sedikit oleh penyanyi-penyanyi yang terkenal dengan diberi nafas baru seperti campuran penambahan muzik kontemporari dan tradisional.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa buah lagu rakyat Kelantan yang telah dipopularkan. Lagu-lagu tersebut sememangnya sangat unik dan menarik kerana mempunyai unsur-unsur nasihat, tauladan, peringatan dan sebagainya. Oleh itu, lagu-lagu Kelantan yang telah dipopularkan ini perlu dikembangkan lagi supaya generasi muda pada hari ini dapat megenali, mendengar dan mencintai lagu rakyat supaya lagu rakyat ini dapat dikekalkan. Selain ini, hasil daripada analisis yang telah dilakukan, majoriti responden yang telah menjawab beberapa soalan soal selidik yang telah diedarkan bersetuju sekiranya lagu rakyat yang telah dipopularkan ini diberi pendedahan kepada golongan muda pada masa sekarang. Hal ini kerana, lagu-lagu tersebut dapat mengubah pemikiran generasi muda sekarang kerana unsur-unsur yang terdapat dalam lagu tersebut mempunyai unsur-unsur yang positif dan sebagainya. Sebagai rumusannya, kajian yang telah dilakukan sepanjang bab 1 sehingga bab 5 adalah mengenai kajian terhadap lagu-lagu rakyat di Negeri Kelantan. Kajian ini telah dilakukan untuk mengenalpasti lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Kajian ini juga turut mengkaji mengenai unsur-unsur nasihat yang terdapat dalam lagu rakyat di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji dengan lebih mendalam mengenai tahap pengetahuan generasi muda tentang lagu rakyat yang telah dipopularkan. Di samping itu, persoalan kajian dalam kajian ini telah dijawab dengan lebih terperinci pada bahagian bab 4 iaitu dapatan kajian. Akhir sekali, lagu-lagu rakyat yang telah dipopularkan ini perlulah dikembangkan lagi dan diberikan pendedahan secara menyeluruh bukan sahaja pada golongan dewasa malah pada semua lapisan masyarakat di Malaysia.

### 5.3 CADANGAN

Dalam kajian ini, masih lagi terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan lagi kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan. Kajian itu perlulah dikaji dengan lebih teliti dan mendalam lagi maksud-maksud di dalam lagu-lagu rakyat yang telah dipopularkan. Selain itu, pengkaji menyatakan cadangan iaitu menjadikan lagu rakyat sebagai lagu harian terutamanya bagi masyarakat di Negeri Kelantan itu sendiri.

Selain itu, cadangan kedua adalah untuk memperbaharui lagu-lagu rakyat yang lama dengan memberi nafas baru. Lagu-lagu rakyat lama boleh ditambahbaik dengan penambahbaikan seperti menukar tone dan irama muzik lama kepada moden. Sebagai contoh, lagu rakyat yang menggunakan alat muzik lama atau tradisional yang asal dalam kepada alunan-alunan daripada alat muzik yang baru dan lebih moden. Perkara ini sudah pasti akan menambahbaikan lagi lagu-lagu rakyat tersebut menjadi sangat unik dan menarik.

Di samping itu, pengkaji juga cadangkan supaya industri muzik Kelantan bekerjasama dengan industri kreatif yang lain untuk menaikkan dan mengembangkan lagi lagu rakyat Kelantan. Dengan Kerjasama yang dijalankan ini sudah pasti pencipta lagu-lagu rakyat berasa bangga kerana dapat didokumentasikan lagu-lagu mereka ke arah yang lebih baik dan moden lagi sehingga lagu-lagu rakyat itu menjadi terkenal bukan sahaja di Kelantan malah di seluruh Malaysia.

Seterusnya, cadangan untuk mempromosikan lagu rakyat Negeri Kelantan kepada rakyat Malaysia khususnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hal ini kerana, kebanyakkan masyarakat tidak mengetahui tentang lagu rakyat. Oleh itu, dengan melalui pertandingan mencipta lagu dan nyanyian lagu rakyat yang terbuka kepada semua golongan akan dapat membuka minda masyarakat tentang pengetahuan mengenai warisan lagu


rakyat. Oleh itu, perkara sebegini mampu menarik minat masyarakat terutama golongan muda yang lebih gemar kepada muzik. Dengan itu, pengkaji berharap dalam masa yang sama mampu memperkenalkan lagu rakyat ke pelancong dari dalam dan luar negara supaya pelancong yang datang ke Malaysia tahu bahawa Malaysia bukan terkenal dengan budaya adat dan perwatakan namun yang menjadil lambang identiti bagi sebuah Negara adalah melalui lagu rakyat tersebut.

Akhir sekali, pengkaji ingin mencadangkan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan adalah agar dapat mengubah pandangan atau mentaliti masyarakat terhadap lagu rakyat kepada pandangan yang lebih positif dan membangun. Dalam kaedah keusahawan ini akan melibatkan urusniaga dan kos. Pengkaji menggunakan kaedah merakam dan merekodkan lagu-lagu rakyat ke dalam cd dan melancarkan pameran mesra bersama rakyat. Melalui pameran pengiat yang lama akan dijemput dan artis yang baru juga dijemput untuk mengembalikan lagu rakyat dengan nafas yang baru. Melalui pameran ini pendengar akan merasa lebih dekat dan dapat mengenali artis lama yang penah terkenal dalam industri muzik tanah air dahulu.

#### **5.4 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, segala perbincangan dan cadangan yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah untuk menjaga, melindungi dan menyelamatkan lagu rakyat ini supaya tidak mengalami kepupusan dan dilupakan sepanjang zaman. Pengkaji juga menegetahui terdapat pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang berusaha untuk menyelamatkan lagu rakyat ini. Namun disebabkan tidak mendapat kerjasama menyebabkan pihak tersebut menyatakan lagu rakyat seperti "dibiarkan" dan bakal pupus. Namun, sehingga kini tidak banyak usaha yang giat dijalankan dalam menghidupkan kembali lagu rakyat. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat

membantu dalam usaha untuk memartabatkan kesenian dan warisan negeri Kalantan agar dapat dilestarikan untuk masa yang akan datang serta untuk tatapan generasi yang akan datang. Kajian ini juga adalah sebahagian daripada usaha untuk memelihara warisan tidak ketara daripada pupus ditelan arus pemodenan.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Abd Rahim Rashid. (2001). Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur. Utusan Publication.
- Aripin Said. (1997). Puisi Warisan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aripin Said. (2007). Nyanyian Rakyat: Mencari Khazanah Yang Hilang. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azah Aziz. (2008). Pantun Dan Seloka Kanak-kanak Sayang. Kuala Lumpur. MPH Group Publishing.
- Harun Mat piah. (1989). Puisi Melayu Tradisional. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1985). warisan Dunia Melayu. Sastera Rakyat Malaysia. Kuala Lumpur. United Selangor Press.
- Ismail Sualman. (2019). UiTM Popularkan Lagu Rakyat. Kuala Lumpur. Sinar Harian.
- Rahmah Bujang. (2006). Seni Lagu Melayu Tradisi Jambatan Persatuan Orang Melayu. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rosyihah. S. (2010). Lagu Rakyat Di Terengganu. Kajian Terhadap Nilai-nilai Murni. Negeri Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Wan. N. A. (2011). Lagu Rakyat Di Negeri Kelantan. Kajian Terhadap Tema Dan Persoalan. Negeri Kelantan. Universiti Malaysia Kelantan

Zahir Ahmad. (2007). Pendokumentasi Tradisi Lisan Oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tumpuan Khusus Kepada Lagu-lagu Rakyat Perlis. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zubir Ali. (2006). Masa Depan lagu Rakyat Di Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zurinah Hassan (2020). Kritik Sosial Dalam Lagu Rakyat. Interpretasi Sasterawan Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN